

Bahagian V  
**KUMPULANWANG DAN HASIL PERBADANAN**

- (1) Bagi maksud Enakmen ini maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu Kumpulanwang yang akan ditadbir dan dikawal oleh Perbadanan.

(2) Kumpulanwang Perbadanan hendaklah terdiri daripada :

- a. apa-apa jumlah wang yang dari semasa ke semasa, diuntukkan oleh Dewan Undangan Negeri bagi maksud itu;
  - b. apa-apa jumlah wang yang disumbangkan oleh pihak berkuasa tempatan bagi maksud-maksud Perbadanan;
  - c. apa-apa jumlah wang dari semasa ke semasa didermakan oleh kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan, Kerajaan mana-mana orang lain bagi maksud-maksud Perbadanan;
  - d. apa-apa jumlah wang yang dari semasa ke semasa didapati oleh Perbadanan melalui pinjaman;
  - e. apa-apa jumlah wang yang mungkin dikutip oleh Perbadanan melalui bayaran-bayaran atau benda-benda;
  - f. segala bunga di atas pelabur-pelabur bagi mana-mana bahagian Kumpulanwang;
  - g. segala jumlah wang yang diperolehi oleh Perbadanan secara langsung atau tidak langsung dari harta alih atau harta takalih yang dipunyai oleh Perbadanan.
- Kumpulanwang Perbadanan boleh digunakan untuk menanggung bayaran-bayaran yang berikut :
    - a. Elaun-elaun bagi ahli-ahli untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat Perbadanan;
    - b. gaji-gaji, bayaran-bayaran atau saraan-saraan pegawai-pegawai, agen-agen dan pejawat-pejawat dan penasihat teknik atau lain-lain penasihat Perbadanan;
    - c. segala kos bayaran dan perbelanjaan Perbadanan dan segala kos, bayaran dan perbelanjaan yang berkenaan dengan perjalanan kuasa-kuasa Perbadanan di bawah Enakmen ini;
    - d. bunga di atas apa-apa pinjaman yang dipinjam dengan sah oleh Perbadanan;

- e. jumlah wang yang diperlukan untuk membayar balik wang-wang yang dipinjam;
  - f. apa-apa jumlah wang difikirkan patut diketepikan berkenaan dengan kesusutan harta Perbadanan.
- (1) Segala wang yang dibayar kepada Perbadanan hendaklah dengan sertamerta dimasukkan ke dalam sesuatu akaun di dalam mana-mana bank atau bank-bank sebagaimana yang diluluskan oleh Perbadanan.
  - (2) Segala pesanan atau cek terhadap akaun yang tersebut itu hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan semasa Pengerusi tidak ada oleh Timbalan Pengerusi dan seorang ahli yang diberi kuasa oleh Perbadanan.
  - (1) Perbadanan hendaklah menyimpan akaun-akaun dan lain-lain rekod yang betul mengenai perjalannya dan hendaklah mengarahkan supaya disediakan suatu penyata akaun mengenai tiap-tiap tahun kewangan.
  - (2) Akaun-akaun Perbadanan hendaklah diodit pada tiap-tiap tahun oleh Juruudit Negara.
  - (3) Pada penghujung tiap-tiap satu tahun kewangan, suatu salinan penyata akaun yang telah diodit itu hendaklah dikemukakan kepada Raja dalam Mesyuarat dan kepada Perpustakaan Negara bersama-sama dengan suatu salinan apa-apa laporan yang dibuat oleh Juruudit Negara di atas penyata akaun Perbadanan itu.
  - (1) Perbadanan hendaklah dengan secepat mungkin selepas tamatnya tiap-tiap satu tahun kewangan, mengarahkan supaya dibuat dan mengemukakan kepada Raja dalam Mesyuarat dan kepada Perpustakaan Negara suatu laporan yang membicarakan dengan am kegiatan-kegiatan Perbadanan di dalam tahun kewangan yang terdahulu dan mengandungi apa-apa penerangan berkenaan dengan perjalanan dan dasar Perbadanan.
  - (2) Suatu salinan tiap-tiap laporan seperti itu hendaklah dibentangkan di atas meja persidangan Dewan Negeri.